

S'pura rangkul tiga emas

Berita Harian, 30 May 2013, Page 18

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

S'pura rangkul tiga emas

KEJOHANAN PENCAK SILAT ANTARABANGSA UPSI

ROMBONGAN Singapura pulang dari pada Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa UPSI, Perak, kelmarin dengan pungutan tiga pingat emas, tiga perak dan tiga gangsa.

Pingat emas itu diperolehi melalui Muhammad Iqbal Abdul Rahman (tunggal putera), Atiq Syazwani (tanding Kelas A Puteri) dan gandingan tenaga, Nur Shafiq Sheikh Alau'ddin, Nur Fazlin Juma'en dan Seri Karmila Abdul Raziz (regu puteri).

Bagaimanapun hanya Iqbal sahaja yang akan dicalonkan kepada Majlis Sukan Olimpik Singapura (SNOC) untuk mewakili Singapura dalam Sukan SEA Myanmar.

"Peserta tunggal puteri dan regu puteri tidak akan beraksi dalam Sukan SEA Myanmar kerana kedua-dua acara itu tidak akan dipertandingkan dalam sukan itu nanti," kata ketua pegawai eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheikh Alau'ddin Yaacob.

Kejohanan yang disertai oleh 26 pasukan telah dimenangi oleh Malaysia dengan tujuh pingat emas dan satu perak.

Singapura muncul sebagai naib johan pertama dan naib johan kedua ialah pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan tiga emas dan satu perak.

Mengulas pencapaian para peserta negara dalam kejohanan ini, Sheikh berkata ia boleh dikatakan agak mengecewakan.

"Harus diingat bahawa kejohanan di Perak bukan dalam persaingan Sukan SEA. Sewajarnya, kami boleh memenangi sekurang-kurang enam atau tujuh pingat emas.

"Tetapi bagi mereka yang gagal, ia sudah pasti akan mendorong mereka berlatih dengan keras.

"Jika mereka terpilih ke Sukan SEA Myanmar, persaingan dalam sukan itu akan menjadi lebih sengit," kata Sheikh.

Mengulas lebih lanjut tentang kekalahan peserta Singapura, Elyasak Said, Sheikh berkata ia ada kaitan dengan penyertaannya dalam Kelas G dan bukan Kelas F.

Elyasak, yang terpilih sebagai Pesilat Terbaik dalam Kejohanan Sijori, Bintan, pada tahun lalu, tewas 0-5 di tangan pesilat Malaysia dalam peringkat suku akhir.

Sheik Ferdous Sheikh Alau'ddin yang bergelar juara dalam Kejohanan Thang Tha di Kolkata, India, baru-baru ini, tewas 0-5 di tangan pesilat dari Perak dalam suku akhir.

Berikut senarai pencapaian pesilat-pesilat negara dalam kelas masing-masing.

Pingat perak: Muhammad Nur Shahrin Shahrudin (tanding kelas D), Muhammad Nur Alfian Jumaen (tanding kelas F), Nurul Khairunnisa Azlani (tunggal puteri).

Pingat gangsa: Nur Fazlin Jumaen, Seri Karmila A.Raziz (ganda puteri), Hassan Hisham, Hussein Hishim (ganda putera), Ahmad Kafee, Khairul Arifin, Iqbal Abdul Rahman (regu putera).



WAJAH-WAJAH EMAS: (Dari kiri) Atiq Syazwani Roslan (tanding Kelas A), Nur Shafiq Sheikh Alau'ddin (regu puteri), Iqbal A. Rahman (tunggal putera), Nur Fazlin Jumaen, Seri Karmila A. Raziz (regu puteri) menjadi penyumbang tiga emas untuk Singapura. - Foto PERSISI

Foto PERSISI